



Rujukan : UKM 3.1/224/8 JLD IX
Tarikh : \ Desember 2009

PEKELILING BENDAHARI BIL. 18/2009

Dekan/Pengarah/Ketua Jabatan
Fakulti/Institut/Pusat/Bahagian
Universiti Kebangsaan Malaysia

YBhg Prof. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

SENARAI VENDOR YANG DILANTIK UNTUK 'PROGRAM PERLESENAN HARTA INTELEK NAMA DAN LOGO RASMI UKM'

Dengan hormatnya surat UKMT/Op/04 bertarikh 13 Oktober 2009 dari UKM Holding Sdn. Bhd. adalah dirujuk.

Adalah dimaklumkan bahawa pihak UKM Holding Sdn. Bhd. telah memperhalusi semula program perlesenan harta intelek nama dan Logo Rasmi UKM bagi membolehkan ianya turut dibuka kepada syarikat-syarikat lain selain daripada senarai vendor sebelum ini.

Sehubungan dengan itu, UKM Holding telah menyenarai pendek syarikat-syarikat yang berminat dalam program ini, senarai syarikat seperti pada lampiran yang disertakan bersama surat ini dimana tempoh lantikan adalah berkuatkuasa serta merta **sehingga 30 November 2011**.

Sukacita Ybhg. Prof. Dato'/Datin/Puan dapat memberikan kerjasama untuk berurusan dengan mendapatkan sebutharga dari vendor-vendor yang dilantik seperti dilampiran. Jabatan Bendahari tidak akan bertanggungjawab menguruskan perolehan dan bayaran kepada pembekal/vendor selain daripada yang disenaraikan.

Sekian, Terima Kasih.

Yang Benar,


MOHD. ABD. RASHID MOHD. FADZIL
Bendahari
Universiti Kebangsaan Malaysia

- s.k
- Naib Canselor, UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa), UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Penyelidikan & Antarabangsa), UKM
 - Pendaftar, UKM
 - Ketua-Ketua Bahagian Jabatan Bendahari

SENARAI VENDOR

No	Vendor, Alamat & Telefon	Telefon dan Faks	Kepakaran	Tempoh Iantikan
1	EXACMUST (M) SDN BHD 1-03-01, Lot 24, Jalan Lazuardi 7/29, Seksyen 7, 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan	H/p : 0179777710 (Azrul Mukhrith) Tel : 03-55129196 Fax : 03-55129396	SEMUA JENIS BARANGAN	1 Disember 2009 – 30 November 2011
2	USAHA CEKAL ENTERPRISE No. 5, Paras 4, Bangunan Pusanika, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor	H/p : 0162630339 (Che Puteh) Tel : 03-89221448 Fax : 03-89213797	CENDERAMATA	1 Disember 2009 – 30 November 2011
3	RIZ INDAH ENTERPRISE No. 26, Jln Penyair U1/44, Temasya Industrial Park Glenmarie, 40150 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan	H/p : 0123174244 (Azri Ahmad) Tel : 03-55695458 Fax : 03-55694484	CENDERAMATA	1 Disember 2009 – 30 November 2011
4	D'KHARIAN SDN BHD No. 15 GF, Jalan 15/1A, Seksyen 15, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan	H/p : 0123275447 (Hj Midin Yaakop) Tel : 03-89250393 Fax : 03-89250393	PERCETAKAN	1 Disember 2009 – 30 November 2011
5	THREE COMMUNICATION SDN BHD Suite B, 4th Floor, Wisma Yakin, Jalan Masjid India 50100 Kuala Lumpur	H/p : 0126584690 (Rinaldy) Tel : 03-26971082 Fax : 03-26912549	SEMUA JENIS BARANGAN	1 Disember 2009 – 30 November 2011
6	IDEAL AA GARMENT SDN. BHD. Seksyen 4 tambahan, Bandar Baru Bangi, 43650 Selangor	H/p : 017-2436860 (Atiza), 0133307689 Tel : 03-89268260 (Cik Azira) Fax : 03-89252757	BARANGAN BERASASKAN KAIN	23 Mei 2009 – 22 Mei 2011
7	KOPERASI UNIKEB BERHAD Aras 4, Wisma Unikeb, UKM 43600 UKM Bangi	H/p : 019-2725263 (Mohd Zahidi) Tel : 03-89252540 Fax : 03-89257177	SEMUA JENIS BARANGAN	1 Disember 2009 – 30 November 2011
8	FAIRPARK CORPORATION SDN BHD No 29-2, Jalan 9/94, Seksyen 9, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor	H/p : 012-6393059 (Noor Aznil Azim) Tel : 03-89250228 Fax : 03-89256229	PERCETAKAN	1 Disember 2009 – 30 November 2011



Rujukan: UKM 3.6/158/3Jld.4

Tarikh: 22 Oktober 2009

Bendahari, UKM

Dekan / Pengarah
Fakulti / Pusat / Institut
Universiti Kebangsaan Malaysia

Y.Bhg. Prof. Dato' / Prof. / Tuan / Puan

SENARAI VENDOR YANG DILANTIK UNTUK 'PROGRAM PERLESENAN HARTA INTELEK NAMA DAN LOGO RASMI UKM'

Dengan hormatnya izinkan saya merujuk surat daripada UKM Holdings, rujukan: UKMT/Op/04 bertarikh 13 Oktober 2009 mengenai perkara di atas.

2. Sehubungan dengan itu, bersama ini disampaikan maklumat tersebut untuk makluman dan perhatian Y.Bhg. Prof. Dato' / Prof. / tuan / puan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

Yang benar

Ramlah

RAMLAH OTHMAN
Ketua Penolong Pendaftar
Bahagian Pentadbiran Am
b.p. Pendaftar

s.k. - Encik Ab. Aziz Othman
Pendaftar

Tan Bendahari

*lari sebelum
lancarkan lagi
- namun
hawa boleh
pergerakan
di keluarkan*

*al
27/10*

*Selamat
lagi dr
kita dr*

Pegasi / Ucm/SSB



Pemenang Anugerah Kualiti Perdana Menteri 2006
Winner of Prime Minister's Quality Award 2006



19 OCT 2009

No Rujukan : UKMT/Op/04
Tarikh : 13 Oktober 2009

En Aziz Ab Othman
Pendaftar
Universiti Kebangsaan Malaysia

Tn Haji Mohd Abdul Rasid Mohd Fadzil
Bendahari
Universiti Kebangsaan Malaysia

Tuan,

SENARAI VENDOR YANG DILANTIK UNTUK 'PROGRAM PERLESENAN HARTA INTELEK NAMA DAN LOGO RASMI UKM'

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

Sukacita dimaklumkan bahawa UKM Holdings telah memperhalusi semula program perlesenan harta Intelek nama dan Logo Rasmi UKM bagi membolehkan ianya turut dibuka kepada syarikat-syarikat lain selain daripada senarai vendor sebelum ini.

Sehubungan dengan itu, UKM Holdings telah menyenarai pendek syarikat-syarikat yang berminat dalam program ini, senarai syarikat seperti pada lampiran yang disertakan bersama surat ini.

Adalah menjadi harapan UKM Holdings supaya pihak Jabatan memberikan kerjasama dalam program ini dengan tatacara perolehan barangan yang melibatkan harta intelek UKM termasuk nama dan logo UKM melalui **sebut harga** dan **rundingan terus** dengan hanya berurusniaga dengan vendor yang dilantik.

Dilampirkan juga contoh nama dan logo UKM yang dilindungi serta ringkasan prosedur dan garis panduan penggunaan nama dan logo korporat UKM, dan maklumat lain yang berkaitan dengan program ini.

Sekian, kerjasama pihak tuan terlebih dahulu diucapkan terima kasih,

Yang benar,
UKM HOLDINGS SDN BHD

DR NIK ISMAIL NIK DAUD
Pengarah Urusan

19 OCT 2009

Lee Pei Li & Intina

PELESENAN PENDAFTAR		
<input type="checkbox"/> KPP	<input type="checkbox"/> PPK	<input type="checkbox"/> AK
<input type="checkbox"/> KPP	<input type="checkbox"/> PPK	<input type="checkbox"/> S/U
SILA/UNTUK		
<input type="checkbox"/> BINCANG	16 OCT 2009	<input type="checkbox"/> FAIL
<input type="checkbox"/> MAKLUMAH		<input type="checkbox"/> URUS
<input type="checkbox"/> KOMEN		<input type="checkbox"/> PERHATIAN
<input type="checkbox"/> TINDAKAN	TERIMA	<input type="checkbox"/> JAWAB
<input type="checkbox"/> SOP		<input type="checkbox"/> SEMAK
<input checked="" type="checkbox"/> EDAR		<input type="checkbox"/>
PENDAFTAR		TARIKH



19 OCT 2009

No Rujukan : UKMT/Op/04
Tarikh : 13 Oktober 2009

En Aziz Ab Othman
Pendaftar
Universiti Kebangsaan Malaysia

Tn Haji Mohd Abdul Rasid Mohd Fadzil
Bendahari
Universiti Kebangsaan Malaysia

Tuan,

SENARAI VENDOR YANG DILANTIK UNTUK 'PROGRAM PERLESENAN HARTA INTELEK NAMA DAN LOGO RASMI UKM'

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

Sukacita dimaklumkan bahawa UKM Holdings telah memperhalusi semula program perlesenan harta intelek nama dan Logo Rasmi UKM bagi membolehkan ianya turut dibuka kepada syarikat-syarikat lain selain daripada senarai vendor sebelum ini.

Sehubungan dengan itu, UKM Holdings telah menyenarai pendek syarikat-syarikat yang berminat dalam program ini, senarai syarikat seperti pada lampiran yang disertakan bersama surat ini.

Adalah menjadi harapan UKM Holdings supaya pihak Jabatan memberikan kerjasama dalam program ini dengan tatacara perolehan barangan yang melibatkan harta intelek UKM termasuk nama dan logo UKM melalui **sebut harga** dan **rundingan terus** dengan hanya berurusniaga dengan vendor yang dilantik.

Dilampirkan juga contoh nama dan logo UKM yang dilindungi serta ringkasan prosedur dan garis panduan penggunaan nama dan logo korporat UKM, dan maklumat lain yang berkaitan dengan program ini.

Sekian, kerjasama pihak tuan terlebih dahulu diucapkan terima kasih,

Yang benar,
UKM HOLDINGS SDN BHD

DR NIK ISMAIL NIK DAUD
Pengarah Urusan

19 OCT 2009

PEMBAYARAN PENDAFTAR

Y.P. KPPK PPK KK PP S/U KPP POT

SILA/UNTUK
 BINCANG
 MAKLUMAH
 KOMEN
 TINDAKAN
 SOP
 EDAR

16 OCT 2009

TERIMA

FAIL
URUS
PERHATIAN
JAWAB
SEMAK

PENDAFTAR..... TARIKH.....

Lee Peah & Intan

LAMPIRAN 1

UKM REPRESENTATION OF TRADEMARKS

1. Logo



2. Name

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
&
UKM

3. New Corporate Logo:



4. Colour Coding:

Blue : Cyan 80
Red : Magenta 100
Yellow : Yellow 100
Black : Black 100

5. Fonts:

UNIVERSITI

KEBANGSAAN -----> FELIX TITLING

MALAYSIA

National University of Malaysia -----> *Times New Roman italic*

Font sizes:

34₁₈

12

LAMPIRAN 3

PROHIBITED ITEMS

The following items are excluded from UKM's Trademark Licensing Program and may not be used with any of UKM's trademarks or logos:

1. Alcoholic beverages;
2. Tobacco and smoking products;
3. Food products and toiletries;
4. Sexually oriented goods;
5. Health-care products;
6. Goods related to gambling, lotteries, sweepstakes;
7. Religious or burial goods;
8. Products of a political nature;
9. Goods making unfavorable references to race, religion, sex, national origins or handicaps;
10. Products in "poor taste," including bathroom products;
11. Dangerous goods such as any kind of weapons and explosives

13.	Novelty	Pennants Key Chains Key Holders Miscellaneous
14.	Plastic Containers	Cups Glasses Bowls
15.	Precious Metals	Badges Charms Crystal Necklaces Bracelets Rings Earrings Tie Tacks Coins Trophies
16.	Rainwear	Raincoats
17.	Sport Equipment	Golf Bags Racket Covers
18.	Stationery & Printed Materials	Card Holders Class Rings Letter Openers Loose Leaf Binder Memo Pads
19.	Statuary and Artworks	Badges Decals
20.	Timepieces	Clocks Watches
21.	Toys, Games	Rugs Mats
22.	Umbrellas / Sun Shade	
23.	Wall Hangings	Picture Frames Mirrors Plaques Posters
24.	Wallets and Purses	



RUJUKAN : UKM3.6/224/3 JLD.7

TARIKH : 12 OKTOBER 2006

PEKELILING PENDAFTAR BIL. 3/2006

Semua Dekan / Pengarah / Ketua
Fakulti / Pusat / Institut / Bahagian / Unit
Universiti Kebangsaan Malaysia.

Y.Bhg. Dato'/Prof./Tuan/Puan,

**POLISI DAN GARIS PANDUAN PENGGUNAAN DAN PELESENAN
CAP DAGANGAN UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

Dengan hormatnya izinkan saya merujuk perkara di atas.

2. Untuk maklumat dan perhatian Y.Bhg. Dato'/Prof./Tuan/Puan, UKM Holdings Sdn. Bhd. telah dilantik secara rasmi sebagai agen perlesenan jenama UKM. Lembaga Pengarah Universiti (LPU) dalam mesyuaratnya pada 7 September 2006 (Bil. 5/2006) telah bersetuju meluluskan Polisi dan Garis Panduan Penggunaan dan Pelesenan Nama Cap Dagangan digunakan di Universiti ini.

3. Sehubungan dengan itu, kerjasama pihak Y.Bhg. Dato'/Prof./Tuan/Puan adalah diharapkan untuk mengedarkan Pekeliling Pendaftar Bil. 3/2006 berkaitan dengan perkara di atas kepada semua Jabatan/Fakulti/Pusat/Institut/Bahagian masing-masing untuk dijadikan garis panduan bagi penggunaan nama dan logo UKM untuk kegunaan yang berunsur komersil. Semua Jabatan, Fakulti dan entiti dalam UKM yang ingin mengeluarkan rekabentuk barangan menggunakan cop Dagangan UKM perlu mendapat kelulusan bertulis dari UKM Holdings.

4. Bersama-sama ini dilampirkan Surat Pekeliling Pendaftar Bil. 3 Tahun 2006 untuk maklumat.

Sekian, terima kasih.

"PERKHIDMATAN BERKUALITI AMALAN MURNI"

Yang benar,

DATUK TAIP BIN ABU
Pendaftar.

1.0 PENGENALAN

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah mendaftarkan nama dan logo rasminya sebagai Cap Dagangan. Nama dan logo rasmi UKM dilindungi oleh Akta Cap Dagangan 1976 dan Peraturan Cap Dagangan 1997. Sehubungan dengan itu, UKM telah menurunkan kuasanya kepada UKM Holdings Sdn Bhd sebagai agen pelesenan yang bertanggung jawab menguruskan hal-ehwal penggunaan dan pelesenan Cap Dagangan UKM untuk semua tujuan.

1.1 Matlamat dan tujuan polisi pelesenan Cap Dagangan UKM adalah seperti berikut :

- (i) Mewujudkan sistem kawalan yang berkesan ke atas penggunaan Cap Dagangan UKM termasuk nama dan logo rasminya;
- (ii) Melindungi nama dan logo rasmi UKM dan semua Cap Dagangan yang berkaitan dengannya dari eksploitasi;
- (iii) Mewujudkan mekanisme yang sistematik bagi memproses dan memberikan kelulusan penggunaan nama dan logo rasmi UKM oleh pihak ketiga;
- (iv) Memastikan UKM menjana pendapatan royalti yang berpatutan dan sah di sisi undang-undang dari penggunaan komersil nama dan logo rasminya;
- (v) Mempromosikan UKM secara konsisten dan memelihara nama baik, imej, kredibiliti dan reputasinya melalui penggunaan nama dan logo rasminya secara wajar dan bersesuaian;
- (vi) Memastikan Cap Dagangan UKM termasuk nama, simbol dan logo rasminya sentiasa mencerminkan kualiti dan kedudukan yang tinggi demi memelihara prestijnya sebagai sebuah institusi pengajian tinggi yang unggul di Malaysia dan peringkat global; dan
- (vii) Memastikan hanya produk-produk yang berkualiti menggunakan nama dan logo rasmi UKM.

2.0 TAFSIRAN

- 2.1 "Cap Dagangan" adalah apa-apa tanda yang membezakan barangan dan perkhidmatan daripada seorang peniaga dengan peniaga-peniaga yang lain. Cap Dagangan boleh terdiri daripada perkataan, logo, simbol, gambar, nama, huruf, nombor atau kombinasi daripada unsur-unsur tersebut. Oleh yang demikian, nama dan logo rasmi adalah dianggap sebagai Cap Dagangan UKM.
- 2.2 "Cap Perkhidmatan" mempunyai unsur-unsur asas yang sama seperti Cap Dagangan, kecuali ianya membezakan sesuatu produk yang berasaskan perkhidmatan, bukan barangan nyata.
- 2.3 "Pembekal atau Vendor Berlesen" bermakna-syarikat yang telah mengadakan perjanjian dengan UKM Holdings Sdn Bhd bagi memperolehi lesen untuk mengeluarkan dan memperniagakan barangan menggunakan Cap Dagangan UKM (nama, simbol dan logo rasmi UKM).

3.0 PERNYATAAN POLISI

- 3.1 Cap Dagangan UKM adalah termasuk tetapi tidak terhad kepada perkataan "UKM" dan logo rasminya.
- 3.2 Ianya dilindungi oleh Akta Cap Dagangan 1976 dan Peraturan-Peraturan Cap Dagangan 1997 (Pindaan 2001) dari sebarang penyalahgunaan dan eksploitasi oleh pihak selain dari pemilik Cap Dagangan ini.
- 3.3 Apa jua Cap Dagangan (nama, simbol dan logo rasmi) yang berkaitan dengan UKM Malaysia tidak boleh digunakan tanpa kelulusan bertulis oleh Universiti (melalui UKM Holdings) dan adalah tertaklok kepada polisi dan garis panduan pelesenan ini.
- 3.4 Hanya Pembekal atau Vendor Berlesen dibenarkan mengeluarkan secara komersil dan mempromosikan barangan yang menggunakan nama dan logo rasmi UKM.
- 3.5 Syarikat-syarikat yang ingin menggunakan nama dan logo rasmi UKM bagi tujuan promosi dalam apa jua bentuk, perlu mendapatkan kebenaran bertulis daripada UKM melalui ajennya, UKM Holdings. Dalam kes-kes tertentu, kadar royalti atau yuran penggunaan akan dikenakan.
- 3.6 Kebenaran penggunaan atau lesen yang diberikan adalah bagi sesuatu tempoh terhadap yang dinyatakan secara bertulis atau melalui perjanjian; tiada kelulusan terbuka diberikan.
- 3.7 Kriteria penggunaan dan piawai rekabentuk grafik nama dan logo rasmi yang diterima pakai diperjelaskan di dalam Manual Korporat UKM.
- 3.8 Apa jua Cap Dagangan (termasuk nama, simbol dan logo rasmi UKM) tidak boleh digunakan sama sekali mahu pun diperdagangkan dengan apa jua cara sekali pun untuk tujuan tidak bermoral dan menyalahi undang-undang seperti kegiatan jenayah, militant, subversif, keganasan, politik, perkauman, dan mempromosikan barangan terlarang seperti senjata, minuman keras, produk dari tembakau, dadah, dan bahan-bahan berunsur seks dan lucah.
- 3.9 UKM berhak untuk menghalang mana-mana individu dan entiti yang menyalahgunakan nama dan logo rasmi UKM, atau pun menghentikan penggunaan yang memudaratkan UKM; menyalahi undang-undang, atau dianggap bertentangan dan tidak konsisten dengan reputasi, imej dan matlamatnya sebagai sebuah institusi pengajian tinggi awam berprestij.
- 3.10 Eksploitasi atau penggunaan nama dan logo rasmi UKM tanpa kebenaran bertulis Universiti untuk tujuan komersil adalah dianggap tidak sah di sisi undang-undang dan adalah satu perbuatan melanggar hakcipta, oleh yang demikian UKM berhak mengambil tindakan undang-undang di bawah peruntukan yang sedia ada, termasuk tetapi tidak terhad kepada, tindakan merampas barangan berkenaan.

4.0 PEMAKAJIAN

- 4.1 Polisi dan garis panduan ini dikuatkuasakan ke atas semua jabatan, fakulti, entiti, staf, organisasi dan persatuan yang diiktiraf di dalam UKM.
- 4.2 Penguatkuasaan ke atas organisasi luar seperti pembekal, vendor dan syarikat-syarikat adalah melalui perjanjian pelesenan dengan UKM melalui UKM Holdings.

5.0 CAP DAGANGAN BERDAFTAR

- 5.1 Cap Dagangan berikut adalah didaftarkan dengan Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) :

“Universiti Kebangsaan Malaysia”; “UKM”; Logo rasmi UKM

- 5.2 Cap Dagangan yang didaftarkan adalah sentiasa dikemaskini. Senarai lengkap Cap Dagangan boleh diperolehi dari UKM Holdings.
- 5.3 Cap Dagangan (termasuk nama-nama lain, simbol, rekabentuk grafik yang melambangkan UKM) adalah dilindungi oleh undang-undang Malaysia (di bawah Akta Cap Dagangan 1976 dan Peraturan-Peraturan Cap Dagangan 1996).

6.0 PROSEDUR

6.1 Jabatan, Fakulti dan Entiti UKM

- 6.1.1 Semua jabatan, fakulti, organisasi dan persatuan-persatuan yang diiktiraf boleh menggunakan nama dan logo UKM untuk urusan rasmi pengurusan, akademik dan aktiviti harian tanpa perlu memohon kelulusan dari Universiti. Sebagai contoh, penggunaan pada barangan rasmi seperti kepala surat rasmi, sampul surat rasmi, kad nama, kertas kerja, tesis, jurnal dan laporan rasmi.
- 6.1.2 Penggunaan selain dari untuk tujuan rasmi yang dinyatakan di atas dan berunsurkan komersil perlu mendapat persetujuan bertulis Universiti. Sebagai contoh, pendedaran poster, katalog, brosur, sepanduk dan iklan untuk aktiviti-aktiviti promosi.
- 6.1.3 Semua Jabatan, fakulti dan entiti dalam UKM yang ingin mengeluarkan rekabentuk barangan menggunakan Cap Dagangan UKM perlu mendapatkan kelulusan bertulis daripada UKM Holdings.
- 6.1.4 Kelulusan yang diberikan adalah bukan pemberian hak untuk mengeluarkan barangan. Proses perolehannya perlu dilakukan mengikut prosedur yang dikuatkuasakan oleh Universiti dengan mendapatkan sebuaharga dan bekalannya dari Vendor-Vendor Berlesen. Vendor Berlesen hanya dibenarkan mengeluarkan barangan tersebut setelah rekabentuk akhir diluluskan oleh UKM Holdings.

6.1.5 Melainkan untuk tujuan rasmi dan aktiviti harian, Cap Dagangan UKM harus digunakan dengan penuh tanggung jawab untuk tujuan tertentu yang diluluskan secara bertulis oleh UKM Holdings, dan rekabentuknya tidak boleh diubahsuai sewenang-wenangnya tanpa persetujuan bertulis.

6.1.6 Bahan-bahan institusional dan bukan komersil (seperti media cetak atau komunikasi elektronik termasuk laman web rasmi dan Internet) yang diterbitkan oleh Universiti untuk urusan rasmi Universiti perlu memenuhi kriteria yang telah ditetapkan oleh Pusat Perhubungan Awam dan Antarabangsa Universiti (PUSPA).

6.2 Penggunaan Komersil

6.2.1 Penggunaan komersil nama dan logo rasmi UKM adalah bermakna menggunakannya pada produk-produk untuk diperniagakan atau mempunyai nilai komersil. Sebagai contoh, barangan seperti cenderahati korporat, barangan premium, pakaian, pelekat kenderaan dan perhiasan. Barangan komersil diperniagakan melalui kaedah-kaedah seperti berikut:

- (i) Jualan borong kepada pengedar di dalam kampus atau kepada peruncit;
- (ii) Jualan terus kepada pelanggan individu melalui majlis-majlis tertentu seperti pameran, ekspo, seminar dan lain-lain;
- (iii) Jualan kepada umum pada majlis-majlis rasmi seperti pesta konvokesyen dan acara sukan berbagai peringkat;
- (iv) Jualan runcit oleh persatuan alumni atau kumpulan pelajar; dan
- (v) Jualan kepada umum bagi tujuan projek pengumpulan dana atau tabung derma yang diluluskan oleh UKM.

6.3 Promosi dan Pengiklanan

6.3.1 Produk-produk menggunakan nama dan logo rasmi UKM untuk tujuan promosi perniagaan, pengiklanan dan pemasaran seperti papan tanda, sepanduk, poster dan barangan yang berkaitan dengannya samada dijual atau pun diedarkan secara percuma adalah dianggap sebagai komersil dan tertakluk kepada kebenaran dan pelesenan Cap Dagangan UKM.

6.4 Perolehan Barangan

6.4.1 Kaedah perolehan barangan yang menggunakan nama dan logo rasmi UKM adalah seperti berikut :

- (i) Stor Pusat UKM bagi barangan harian;
- (ii) Bagi barangan khusus yang tidak dapat dibekalkan oleh Stor Pusat, kaedahnya menggunakan prosedur perolehan yang sedia ada melalui bahagian Perolehan Jabatan Bendahari untuk membuat pembelian daripada Pembekal atau Vendor Berlesen; dan

- (iii) Sekiranya barangan berkenaan tidak dapat dibekalkan oleh Vendor Berlesen yang sedia ada, sila maklumkan UKM Holdings untuk memohon kebenaran, proses perlantikan dan pelesenan pembekal atau vendor pilihan mereka sebagai Vendor Berlesen.

7.0 PERLAKSANAAN DAN PENGUATKUASAAN

- 7.1 Pemegang-lesen perlu memaklumkan kepada UKM lokasi pengeluaran barangan berserta alamat lengkap, nombor telefon, e-mail dan nama pegawai syarikat untuk dihubungi. Pegawai atau wakil yang dilantik oleh Universiti berhak membuat pemeriksaan ke atas loji pengeluaran vendor-vendor yang diberikan lesen.
- 7.2 Bagi memastikan keberkesanan polisi ini, setiap produk yang dikeluarkan untuk Universiti (atau fakulti, jabatan, organisasi atau kelab-kelab yang diiktiraf) yang menggunakan Cap Dagangan UKM (nama, simbol, lakaran grafik dan logo rasmi) perlu dikeluarkan oleh Pembekal atau Vendor-Vendor Berlesen mengikut prosedur yang dijelaskan di perenggan 6.4.1 di atas.
- 7.3 Produk komersil (untuk diperniagakan) akan tertakluk kepada kadar royalti yang diluluskan oleh Universiti.

8.0 PELESENAN DAN ROYALTI

- 8.1 Mana-mana individu, entiti perniagaan, atau organisasi yang ingin menggunakan nama dan logo rasmi UKM untuk tujuan komersil perlu mendapatkan lesen. UKM telah melantik entiti perniagaannya iaitu UKM Holdings Sdn Bhd sebagai agen pelesenan Cap Dagangan UKM.
- 8.2 UKM secara prinsip mengeluarkan tiga jenis lesen berikut, tetapi berhak mengeluarkan jenis lesen baru sekiranya perlu:

(i) Lesen Runcit Tradisional (Traditional Retail)

Pengeluaran produk-produk menggunakan nama dan logo rasmi UKM untuk jualan kepada peruncit.

(ii) Lesen Atas Permintaan (On-Demand)

Dikeluarkan kepada syarikat bagi pengeluaran sesuatu barangan khusus atas permintaan jabatan, fakulti, persatuan yang diiktiraf atau organisasi di UKM (bukan komersil). Lesen dikeluarkan terhad untuk sesuatu kegunaan tertentu sahaja.

(iii) Lesen Kegunaan Promosi (Promotional Use)

Lesen untuk menggunakan nama dan logo rasmi UKM untuk tujuan komersil tempoh masa terhad sahaja.

- 8.3 Sesuatu produk adalah tertakluk kepada royalti atau yuran sekiranya nama dan logo rasmi UKM digunakan dalam situasi berikut:
- (i) Produk adalah untuk diperniagakan; atau
 - (ii) Produk berkenaan mempromosikan sesuatu acara atau majlis di mana yuran dikenakan ke atas peserta; atau
 - (iii) Cap Dagangan, nama, simbol, atau logo pihak ketiga digunakan bersama nama dan logo rasmi UKM.

9.0 PENGECUALIAN ROYALTI

- 9.1 Pengecualian dari royalti atau yuran diberikan ~~apabila~~ produk menggunakan Cap Dagangan UKM adalah semata-mata untuk mempromosikan program atau pun acara akademik dan pengajian, atau aktiviti-aktiviti lain bagi memantapkan kecemerlangan akademik dan misi UKM.
- 9.2 Program akademik dan pengajian adalah merangkumi, tetapi tidak terhad kepada, kuliah, kursus, seminar, bengkel, dan aktiviti-aktiviti lain seumpamanya yang ditaja sepenuhnya oleh jabatan, fakulti, kolej, instituit, bahagian, program atau perkhidmatan di UKM.
- 9.3 Pengecualian royalti diberikan secara bertulis, namun sumber perolehan barangan yang berkaitan mestilah dari Vendor-Vendor Berlesen.

Untuk maklumat lanjut sila hubungi:

UKM Holdings Sdn Bhd
Bangunan Wawasan, 43600 UKM Bangi
Selangor Darul Ehsan
No. Telefon : 03-89213892
No. Fax : 03-89251579

atau:

Unit Inovasi, Universiti Kebangsaan Malaysia
Aras 2, Bangunan Wawasan
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan
No. Telefon : 03-89214463
No. Fax : 03-89269182
e-mail : nasi_eino@pkriscc.ss.ukm.my

DATUK TAIP BIN ABU

Pendaftar
Universiti Kebangsaan Malaysia

Tarikh Berkuatkuasa : 7 September 2006



Rujukan : UKM3.1/224/8 Jilid IX
Tarikh : 12 September 2009

PEKELILING BENDAHARI BIL. 17/2009

Dekan / Pengarah / Ketua Jabatan
Fakulti / Institut / Pusat / Bahagian
Universiti Kebangsaan Malaysia

Y.Bhg. Prof. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**TARIKH AKHIR PENGHANTARAN BORANG TUNTUTAN ELAUN PERJALANAN DAN
ELAUN KERJA LEBIH MASA**

Dengan hormatnya saya ingin merujuk kepada perkara tersebut di atas.

Oleh kerana pembayaran **gaji bulan Disember 2009 ialah pada 17 Disember 2009**, maka tarikh akhir penerimaan borang-borang Tuntutan Elaun Perjalanan dan Elaun Kerja Lebih Masa bulan November 2009 **dipinda** seperti berikut:

1. Borang Tuntutan Elaun Perjalanan **dipinda** dari 3 Disember 2009 kepada 25 November 2009.
2. Borang Tuntutan Elaun Kerja Lebih Masa **dipinda** dari 5 Disember 2009 kepada 25 November 2009.

Sukacita sekiranya Y.Bhg. Prof. Dato'/Datin/Tuan/Puan dapat mengambil ingatan dan menyampaikan perkara ini kepada semua kakitangan di Fakulti/Institut/Bahagian Y.Bhg. Prof. Dato'/Datin/Tuan/Puan.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

Yang benar

MOHD ABD RASHID MOHD FADZIL
Bendahari
Universiti Kebangsaan Malaysia



Pemenang Anugerah Kualiti Perdana Menteri 2006
Winner of the Prime Minister's Quality Award 2006